

**PEMIKIRAN BUNUH DIRI DALAM KALANGAN LELAKI GAY YANG MENGALAMI  
KEMURUNGAN: SATU KAJIAN KES**  
(*Suicide Thoughts among Gay Men Experiencing Depression: A Case Study*)

Khadijah Nasrah<sup>1</sup>, Rezki Perdani Sawai<sup>2</sup> & Joki Perdani Sawai<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Universiti Sains Malaysia

<sup>2</sup>Universiti Sains Islam Malaysia

<sup>3</sup>Universiti Malaysia Sabah

rezki@usim.edu.my (corresponding author)

## **1.0 PENGENALAN**

Klien merupakan seorang lelaki berusia 45 tahun. Klien dikenali sebagai Ahmad (bukan nama sebenar). Beliau bekerja sebagai akauntan di salah sebuah bank termuka di Malaysia. Beliau tidak pernah berkahwin dan merupakan anak tunggal. Beliau berasal dari salah sebuah negeri pantai timur dan menetap di Selangor dan mempunyai sejarah kesihatan penyakit darah tinggi dan juga HIV. Beliau mula terjebak dengan seks songsang sejak berumur 15 tahun ketika di sekolah menengah.

Ahmad dirujuk ke Bahagian Psikologi Kaunseling kerana mempunyai kecenderungan untuk bunuh diri dan juga tahap kemurungan yang tinggi. Ahmad juga pernah beberapa kali melakukan tingkah laku impulsif mencederakan diri seperti mengelar tangan dalam keadaan tidak sedar, menelan 30 biji panadol dalam satu masa dan menumbuk cermin. Dari segi emosi pula, Ahmad sentiasa mempunyai mood yang tidak stabil. Sikap panas baran yang dialami oleh klien sangat mengganggu dirinya dan kehidupan seharian klien. Aspek kognitif atau pemikiran Ahmad banyak dipengaruhi oleh emosinya. Berdasarkan pemantauan dari psikiatri dan juga pegawai psikologi kaunseling, emosi Ahmad akan sentiasa berubah apabila ada sesuatu perkara yang tidak diingini terjadi seperti tahap kesihatan HIV yang dialaminya merudum. Ini adalah antara salah satu waktu yang menyebabkan pemikiran Ahmad menjadi tidak rasional dan memberi kesan kepada tingkahlaku impulsif mencederakan dirinya.

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat tahap kecenderungan bunuh diri di dalam pemikiran Ahmad. Di samping itu juga, kajian ini bertujuan untuk membantu Ahmad di dalam menguruskan kecenderungan bunuh diri dan mencederakan dirinya berdasarkan faktor-faktor yang menyebabkan Ahmad sentiasa mencederakan diri dan ingin membunuh diri. Berdasarkan laporan American Association of Child and Adolescent Psychiatry (1), dapatan kajian menunjukkan bahawa golongan gay mempunyai sekurang-kurangnya 40% idea untuk bunuh diri disebabkan oleh masalah seksual orientasi yang mereka alami. Idea bunuh diri dan mencederakan diri dalam kalangan gay ini terjadi disebabkan beberapa faktor iaitu, kemurungan, penyalahgunaan bahan dan juga mangsa buli samaada melalui perkataan ataupun perbuatan (5,10,3). Selain itu, faktor-faktor lain yang menyumbang kepada kecenderungan membunuh diri dalam kalangan remaja gay adalah konflik keluarga, tiada sokongan di sekolah dan juga faktor sosiososial yang melibatkan homophobia (2,1,4, 6).

*Minority Stress Theory* (7) telah mengemukakan perbezaan tahap penerimaan masyarakat dan diri sendiri untuk menjelaskan proses tekanan perasaan dan emosi yang lebih khusus untuk golongan minoriti seksual ini. Diskriminasi, kemurungan dan konflik dalaman diri menyebabkan golongan ini cenderung untuk membunuh diri mereka (8,9).

## **2.0 METODOLOGI**

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes. Kajian kes yang digunakan dalam kajian ini adalah *single-case study*. *Single case* merujuk kajian ke atas seorang individu (11). Kajian single case menurut Yin (11) ialah kajian yang melibatkan satu responden dan satu tempat lapangan kajian, data yang dikumpul dan dianalisis diambil daripada satu tempat lapangan kajian. Tempoh temu bual separa berstruktur ini telah berlangsung antara 60 hingga 90 minit, ia bergantung kepada maklumat yang diberikan oleh peserta kajian dan dikendalikan oleh kaunselor berdaftar dalam tempoh 8 sesi. Inventori Kecenderungan Bunuh Diri (IKBD) digunakan untuk mengukur tahap kecenderungan bunuh diri sample.

Analisa data telah dibuat dengan menggunakan triangulasi antara kaedah. Triangulasi antara kaedah dibuat dengan membandingkan data temu bual dengan data analisis dokumen berdasarkan maklumat yang sama. Selain itu, pengkaji turut mendapatkan pengesahan peserta kajian untuk menyemak semula (counter check) data dan maklumat yang telah diperolehi dan dianalisis.

### **3.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Hasil daripada 8 sesi kaunseling yang dijalankan, terdapat tiga tema utama yang menyumbang kepada kecenderungan untuk bunuh diri. Tema-tema tersebut terdiri daripada faktor persekitaran, kemurungan, dan konflik dalaman diri yang dibincangkan secara terperinci seperti di bawah.

#### **1. Faktor persekitaran**

Hasil dapatan temubual peserta kajian menunjukkan bahawa faktor persekitaran merupakan faktor utama yang mempengaruhi golongan gay untuk cubaan bunuh diri. Faktor persekitaran ini merangkumi keluarga dan rakan-rakan sebaya yang mempunyai persepsi negatif serta meminggirkan individu gay ini. Persepsi negatif yang dipamerkan orang sekeliling mendorong individu gay untuk melakukan cubaan bunuh diri. Perkara ini menyebabkan individu gay menghadapi emosi yang tidak stabil dan berasa tertekan dengan keadaan sekeliling yang tidak memahami diri mereka seterusnya mengambil tindakan di luar kawalan dengan cubaan bunuh diri atau mencederakan diri sendiri.

#### **2. Kemurungan**

Dapatan temubual juga menunjukkan bahawa golongan gay mempunyai keinginan untuk membuat cubaan bunuh diri disebabkan tekanan dan kemurungan yang dihadapi oleh mereka. Kemurungan merupakan gangguan perasaan yang menyebabkan seseorang itu merasa sedih yang berpanjangan, keletihan dan ketiadaan tenaga, cepat marah serta kehilangan minat dalam aktiviti harian. Tekanan yang melampau menyebabkan individu gay merasa tidak dihargai dan disayangi oleh sesiapa. Justeru, mereka berasa sendirian dan akhirnya, menyebabkan kemurungan.

#### **3. Konflik Dalaman Diri**

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa konflik dalaman diri menyebabkan golongan gay berkeinginan untuk membuat cubaan bunuh diri. Konflik dalaman diri merangkumi masalah emosi, kekeliruan identiti dan tidak berupaya menyelesaikan masalah dengan baik. Ketiga-tiga konflik ini merupakan punca keinginan individu gay untuk bunuh diri. Klien menjelaskan bahawa beliau sering menyebut untuk bunuh diri kerana mempunyai perasaan marah dan geram kepada pasangannya yang curang dan menyebabkan klien tidak boleh mengawal emosi dan bertindak untuk melakukan cubaan bunuh diri.

Sehubungan dengan itu, dapat dirumuskan bahawa faktor kecenderungan bunuh diri mempunyai perkaitan dan signifikan dengan *Teori Minority Mayer* seperti yang dibincangkan di dalam bab pengenalan.

### **4.0 KESIMPULAN**

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang menyumbang kepada kecenderungan bunuh diri dalam kalangan gay. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor persekitaran, kemurungan dan konflik dalaman diri menjadi faktor utama kepada kecenderungan bunuh diri dalam kalangan gay. Pemahaman yang kritikal mengenai tingkah laku, ciri-ciri, punca, serta keadaan emosi dan psikologi golongan gay seharusnya ditekankan dalam usaha untuk membantu golongan ini menyelesaikan kemelut yang melanda diri mereka. Kaunselor perlu mempertingkatkan kompetensi untuk mengendalikan isu ini. Kajian ini mencadangkan agar kajian akan datang dijalankan terhadap cara intervensi dan terapi kepada golongan gay yang mempunyai kecenderungan untuk membuat cubaan membunuh diri.